

BAITUL TALAMIZ JUARA PERTANDINGAN NASYID ANTARA JABATAN

3 Oktober 2007- Kumpulan Baitul Talamiz dari Kolej Kediaman memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Nasyid Antara Jabatan/Pusat Pengajian Bersempena Dengan Sambutan Bulan Ramadan Peringkat UniMAP 2007, 3 Oktober lalu. Dengan menyampaikan lagu 'Anugerah', mereka berjaya membawa pulang wang tunai yang berjumlah RM500 dan sijil penyertaan. Pertandingan Nasyid Antara Jabatan disertai oleh 19 pasukan daripada Jabatan/Pusat Pengajian UniMAP. Kumpulan Kilauan Dinar dari Jabatan Bendahari dengan lagu pilihan ' Mencari Hidayah Mu' menduduki tempat kedua yang membawa pulang RM300 dan sijil. Manakala kumpulan Ar-Ra'eez dari Jabatan Canselori A pula telah berjaya memenangi tempat ke tiga dan membawa pulang RM200 dan sijil penyertaan. Pertandingan Nasyid Antara Jabatan pada tahun ini menyaksikan penyertaan yang meningkat iaitu 19 pasukan berbanding 14 pasukan tahun lalu. Antara kumpulan nasyid lain yang turut mengambil bahagian ialah IT Solihin dari Pusat

Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Al-Siqah dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik, Rubayyi Muawwiz dari Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan, Balqis dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan, Al-Alami dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. Jabatan Perpustakaan diwakili oleh kumpulan Iqra, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan diwakili oleh kumpulan Sarjana, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik pula diwakili oleh kumpulan Al-eEman. Disamping itu, kumpulan Salahuddin Al-Ayubi dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan, Meka dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, Kuntum Iman dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses, Jihad dari Jabatan Keselamatan, Simfoni Ramadhan dari Institut Matematik Kejuruteraan, Iradat dari Jabatan Pendaftar dan Soutul Bariah dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Hadiah-hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Y.Bhg. Naib Canselor UniMAP.